



PERADUAN: ZAYAN BIZZKU TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT

A. TERMA-TERMA ASAS

1.	Penganjur	ASTRO RADIO SDN BHD
2.	Stesen Radio	ZAYAN
3.	Nama Pertandingan	ZAYAN BIZZKU
4.	Huraian Ringkas Pertandingan/ Rancangan	Peserta harus kongsiikan bisnes melalui Instagram beserta kapsyen dengan hashtag #ZayanBizzku, daftarkan diri anda jika berminat di zayan.my untuk peluang memenangi wang tunai bernilai RM 5,000.
5.	Mekanisme ringkas Pertandingan	<p>a) Peserta harus kongsiikan bisnes melalui Instagram beserta kapsyen dengan hashtag #ZayanBizzku, daftarkan diri di zayan.my untuk peluang memenangi wang tunai bernilai RM 5,000</p> <p>b) Peserta-peserta akan disenarai pendek berdasarkan idea bisnes yang paling menarik. Lima peserta akan dipilih berdasarkan keputusan panel juri.</p> <p>c) Peserta yang dipilih harus hadirkan diri ke konti Zayan untuk sesi penyampaian yang akan berlangsung antara 1 April 2019. Pemenang akan dipilih berdasarkan keputusan panel juri.</p> <p>Peserta mesti mematuhi mekanisme Pertandingan seperti yang diubah, dipinda atau diberitahu oleh Penganjur dalam Tempoh Pertandingan.</p>
6.	Kriteria Kelayakan	<p>a) Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan sepertimana dinyatakan di bawah.</p> <p>b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.</p>
7.	Ketidaklayakan	<p>Golongan berikut tidak layak untuk menyertai Pertandingan ini: -</p> <p>(a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik pihak-pihak tersebut Penganjur, MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd, Astro Entertainment Sdn Bhd, Astro Production Sdn Bhd, Astro Digital 5 Sdn Bhd dan Astro Malaysia Holdings Berhad, penaja Pertandingan dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka.</p> <p>(b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Pertandingan ini.</p> <p>(c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Pertandingan ini.</p> <p>(d) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM5,001 atau lebih daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh</p>

		tiga ratus enam puluh lima (365) hari sebelum menyertai Pertandingan ini.
8.	Umur Kelayakan	<p>c) Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas pada 11 Mac 2019</p> <p>d) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Pertandingan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Pertandingan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Pertandingan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.</p>
9.	Tempoh Pertandingan	<p>11 Mac 2019 – 24 Mac 2019</p> <p>Pihak Penganjur mempunyai hak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Pertandingan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlakunya.</p>
10.	Bahasa Pertandingan	Bahasa Malaysia
11.	Prosedur Penyertaan	<p>Penghantaran penyertaan melalui Instagram dan juga laman sesawang zayan iaitu ZAYAN.my</p> <p>Pihak Penganjur berhak untuk meminta Peserta mengemukakan Kad Pengenalan asal atau dokumen/bahan sokongan lain yang asal untuk tujuan pengesahan.</p>
12.	Tarikh Tutup Penyertaan	<p>Penyertaan mestilah diterima oleh pihak Penganjur pada atau sebelum 24 Mac 2019 (11.59pm).</p> <p>Penyertaan yang diterima sebelum bermulanya Tempoh Pertandingan dan selepas Tarikh Tutup Penyertaan yang ditetapkan akan hilang kelayakan dan tidak layak untuk dipertimbangkan untuk Hadiah.</p>
13.	Cara Penghantaran	Melalui Instagram sendiri ataupun lama web zayan.my
14.	Alamat	All Asia Broadcast Centre Malaysia Technology Park Bukit Jalil 57000 Kuala Lumpur Malaysia
15.	Pemilihan Pemenang	Berdasarkan keputusan Juri
16.	Hadiah	Wang Tunai Rm 5,000
17.	Pemakluman Pemenang	Melalui ZAYAN
18.	Tempoh Pengambilan Hadiah	Dalam tempoh satu (1) bulan daripada pemakluman pihak Penganjur / Akan dimaklumkan oleh pihak Penganjur
19.	Tempat Pengambilan Hadiah	Tidak berkenaan
20.	Terma-terma tambahan, jika ada	Sekiranya transaksi pemindahan telegraf ke akaun bank pemenang gagal disebabkan oleh informasi yang dibekalkan oleh Pemenang adalah tidak lengkap dan/atau salah, Penganjur merizabkan haknya untuk menolak

	<p>RM10.00 daripada nilai Hadiah untuk setiap penghantaran-semula transaksi tersebut.</p> <p>Sekiranya Pemenang memerlukan pengeluaran semula cek untuk Hadiah, RM50.00 akan ditolak daripada nilai Hadiah, melainkan pengeluaran semula itu adalah disebabkan oleh kecuaiian, kesilapan dan/atau kesalahan pihak Penganjur.</p> <p>Peserta perlu hadir di lokasi yang dimaklumkan oleh pihak Penganjur dalam Tempoh Pertandingan, jika tidak, kelayakan Peserta mungkin akan dibatalkan dan pihak Penganjur mempunyai hak mutlak untuk memilih peserta yang lain untuk menggantikan Peserta yang kehilangan kelayakan.</p> <p>Semua Hadiah yang dimenangi tidak boleh dipindah milik kepada pihak lain dan tidak boleh ditukar kepada atau dijual dalam apa jua cara untuk apa-apa barang, hadiah atau wang tunai.</p> <p>Panel hakim (jika berkenaan) akan ditentukan berdasarkan budi bicara mutlak pihak Penganjur dan/atau penaja. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlaknya membatalkan mana-mana Peserta untuk apa jua sebab, dan apa-apa keputusan oleh hakim, Penganjur dan/atau penaja yang berkaitan dengan Pertandingan adalah muktamad dan Penganjur dan/atau penaja tidak akan melayan apa-apa rayuan oleh Peserta terhadap keputusan tersebut.</p> <p>Semua kos dan perbelanjaan Peserta semasa Pertandingan (termasuk tetapi tidak terhad kepada pengangkutan ke dan dari mana-mana tempat, makanan dan minuman, semua perkara yang bersifat peribadi) harus ditanggung oleh Peserta.</p> <p>Peserta bersetuju untuk menyerahkan kepada dan memberikan Penganjur, penaja Pertandingan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka, hak mutlak dan lesen untuk seluruh dunia (yang kekal, tanpa royalti, tidak eksklusif dan yang boleh dilesenkan) untuk menggunakan, membuat salinan, meminda, mengubahsuai, menyesuaikan, menerbitkan, menterjemah, membuat karya terbitan daripada, mengedar, melaksanakan, bermain, membuat tersedia kepada orang awam, dan melaksanakan semua hak cipta dan publisiti berkenaan dengan foto/video yang diambil atau dirakam semasa Pertandingan dan Peserta menyetujui apa-apa hak moral dalam foto/video tersebut. Penganjur, penaja Pertandingan ini dan anak syarikat dan syarikat bersekutu mereka hendaklah mempunyai hak tunggal (tetapi tidak ada kewajipan) untuk menggunakan, memuat naik atau menyiarkan foto/video tersebut dan/atau memasukkannya dalam karya lain dalam mana-mana media dan platform mengikut budi bicara mutlaknya untuk sebarang tujuan termasuk tujuan pengiklanan dan pemasaran tanpa apa-apa bayaran royalti kepada Peserta.</p>
--	--

Terma-terma Asas dan **Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim** (secara kolektif, "Terma dan Syarat") akan mengikat semua peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Pertandingan ini ("**Peserta**"). Definisi-definisi dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Pertandingan akan digunakan kecuali dinyatakan sebaliknya dalam Terma-terma Asas. Jika terdapat sebarang ketidakselarasan antara Terma-terma Asas dan Terma-terma dan Syarat-syarat Lazim Pertandingan, Terma-terma Asas akan mengatasi setakat ketidakselarasan tersebut.

Kemasukan dan penyertaan di dalam Pertandingan ini akan dianggap sebagai penerimaan Terma dan Syarat secara tanpa syarat oleh para Peserta.